

SIARAN MEDIA

STEVEN SIM LANCAR PROGRAM SINAR SME CORP RM205 JUTA UNTUK BANTU PMKS HADAPI KRISIS BEKALAN GLOBAL

JOHOR BAHRU, 7 Jun – Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Steven Sim Chee Keong hari ini melancarkan **Program Sokongan Industri dan Perniagaan Rakyat (SINAR) yang bernilai RM205 juta** bagi membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) menghadapi cabaran semasa susulan Krisis Bekalan Global (KBG) akibat konflik yang sedang berlaku di Asia Barat.

SINAR merupakan satu program baharu Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui SME Corp. Malaysia. Program ini merangkumi **lima inisiatif baharu** yang meliputi **bantuan kewangan dan bukan kewangan**. Ia akan dibuka untuk permohonan mulai Jun 2026 serta menyediakan akses kepada pembiayaan tambahan dan program pembangunan kapasiti bagi membantu PMKS mengekalkan aliran tunai, meneruskan operasi dan memperkukuh daya tahan perniagaan dalam suasana ekonomi yang semakin mencabar.

Daripada jumlah peruntukan tersebut, tiga program pembiayaan ditawarkan dengan jumlah pembiayaan sehingga RM5 juta pada kadar keuntungan atau faedah antara 3% hingga 5% setahun melalui kerjasama Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), microLEAP PLT dan Funding Societies.

Selain pembiayaan, Program Penskalaan Perniagaan Inklusif pula merupakan program pembangunan kapasiti yang menyediakan geran sehingga 90% kepada PKS yang mengintegrasikan komuniti inklusif dalam rantai bekalan mereka dan bagi perusahaan mikro meningkatkan kemahiran berkaitan bagi transformasi perniagaan ke tahap yang lebih tinggi.

Bagi memudahkan akses kepada inisiatif ini, PMKS yang memohon pembiayaan hanya perlu mendapatkan Status PMKS, iaitu pensijilan rasmi yang mengesahkan sesebuah perniagaan memenuhi definisi PMKS. Kadar diskaun sebanyak 50% bagi permohonan Status PMKS turut ditawarkan sejak 1 Jun sehingga 31 Ogos 2026.

Menurut YB Steven Sim, kerajaan memahami bahawa ramai usahawan kini berdepan peningkatan kos operasi serta ketidaktentuan pasaran susulan Krisis Bekalan Global yang berpunca daripada perkembangan geopolitik dan geoekonomi dunia.

“Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu, kerajaan tidak boleh membiarkan PMKS berdepan cabaran ini bersendirian. Melalui SINAR, kita mahu memastikan usahawan mempunyai akses kepada pembiayaan dan sokongan yang diperlukan untuk terus bertahan, berkembang dan mencipta peluang pekerjaan,” kata beliau.

Pengumuman tersebut dibuat sempena perasmian Karnival Hebatkan Perniagaan Malaysia (HPM) 2026 dan Mini Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI) Peringkat Negeri Johor **di Angsana Johor Bahru Mall.**

Turut berlangsung bersempena karnival tersebut ialah Program Halal Sukses KUSKOP Johor yang memberi bimbingan kepada usahawan berkaitan pensijilan halal, pemasaran digital dan peluang jaminan pembiayaan perniagaan. TikTok Shop pula berperanan sebagai rakan strategik program melalui pelbagai inisiatif pendigitalan usahawan PMKS.

Hadir sama YB Datuk Mohamad Alamin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie Daud, Ketua Setiausaha KUSKOP.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

7 JUN 2026

Program Sokongan Industri dan Perniagaan Rakyat (SINAR)

(A) Bantuan Kewangan				
Perkara / Terma Bantuan	Skim Pembiayaan Mudah untuk PKS (SFSME 2.0) • Pembiayaan	Skim Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS (BAP) • Pembiayaan	Skim Pembiayaan PRESTIGE 2.0 • Pembiayaan	Program Penskalaan Perniagaan Inklusif • Geran
Objektif	Memperkasa PMKS melalui automasi, pendigitalan, inovasi dan teknologi bagi meningkatkan produktiviti serta kelestarian.	Membantu PMKS mendapat pembiayaan lebih cepat melalui platform digital.	Membantu PKS berimpak tinggi menembusi rantai bekalan domestik dan global serta meneroka pasaran antarabangsa.	Meningkatkan keupayaan dan daya saing PMKS melalui model Perniagaan Inklusif serta membimbing perusahaan mikro berkembang menjadi perniagaan kecil.
Rakan Pelaksana	MIDF	microLEAP PLT (P2P)	Funding Societies (P2P)	-
Peruntukan	RM130 juta	RM50 juta	RM 20 juta	RM 5 juta
Had & Bentuk Bantuan	Pinjaman: Min RM50,000 sehingga RM5 juta bagi aset tetap dan modal kerja	Pinjaman: - Sehingga RM500,000 bagi pembiayaan terma - Sehingga RM1.5 juta	Pinjaman: - Sehingga RM1 juta bagi pembiayaan terma, dan rebat sehingga 30% (bersyarat)	Pinjaman: - Geran 90% sehingga RM200,000/PMKS (anchor) bagi

		bagi pembiayaan inbois	- Sehingga RM500,000 bagi pembiayaan inbois	integrasi komuniti inklusif ke dalam rantai bekalan - Geran 90% bagi latihan dan peningkatan kemahiran perusahaan mikro berpotensi tinggi
Margin Pembiayaan	- Sehingga 90% bagi aset tetap - Sehingga 100% bagi modal kerja	N/A	N/A	N/A
Kadar Keuntungan & Tempoh Pembiayaan	- 5% - 7 tahun hingga 25 tahun	<ul style="list-style-type: none"> • Pembiayaan terma: 6-8% setahun sehingga 3 tahun • Pembiayaan inbois: 0.5% sebulan sehingga 6 bulan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembiayaan terma: 3% setahun sehingga 5 tahun • Pembiayaan inbois: 0.5% sebulan sehingga 4 bulan 	<p>Nota:</p> <p>(1) Memanfaatkan 200 peserta komuniti melalui 10 PMKS anchor.</p> <p>(2) Membimbing perusahaan mikro berkembang ke tahap seterusnya melalui latihan, business & life coaching.</p>
Cara Memohon:	Sila layari: https://www.growyourbusiness.com.my/	Sila layari: https://smecorp.microleapasia.com/en/	Sila layari: https://fundingsocieties.com.my/prestige-2.0-sme-financing-	Pengiktirafan Perniagaan Inklusif https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdNG9mx

	<p>Sebarang pertanyaan, sila hubungi MIDF melalui e-mel: GrowYourBusiness@mb.sb.com</p>	<p><u>Sebarang pertanyaan, sila hubungi:</u> microLEAP PLT WhatsApp: +6011 6526 1212 / +6011 6558 2121 Office: 03-7954 0002 / 1212 / 2000 Email: hello@microleapasia.com (Operating hours: 9.00 am – 5.00 pm)</p> <p>SME Corp. Malaysia Office: 03- 9213 0077 Email: urusetia_BAP@smecorp.gov.my (Operating hours: 9.00 am – 5.00 pm)</p>	<p>scheme?hs_preview=nOfoFZke=192269381964&tab=Invoice+Financing-i</p>	<p>1cFNLjTnAz99wed_YBzEW05Ud859BL81ouiS0kCGhA/viewform</p> <p>Sila layari: https://smecorp.gov.my/index.php/my/programmes1/2015-12-21-09-53-14/program-penskalaan-perniagaan-inklusif-ib-sup</p>
--	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

(B) Bantuan Bukan Kewangan

- **Diskaun 50%** bagi pendaftaran **Sijil Status PMKS**
 - **Tawaran terhad Jun - Ogos 2026** (3 bulan)
- Sijil Status PMKS adalah bagi memastikan setiap PMKS yang memohon untuk mengikuti program atau mendapatkan bantuan dan insentif yang ditawarkan khas untuk PMKS memenuhi definisi nasional yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Permohonan dibuka mulai Jun 2026 sehingga peruntukan pembiayaan mencapai had maksimum.